

# PIM aran kaji masalah jerebu

KUALA LUMPUR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan tiga kementerian merangka pelan bertindak membendung masalah jerebu di rantau ini.

Perdana Menteri, dalam mesyuarat mingguan Kabinet hari ini, meminta Kementerian Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Luar dan Kementerian Perusahaan Utama bergabung tenaga menganjurkan sidang antarabangsa mengenai jerebu. Negara Asean turut diundang menjayakan rancangan itu.

Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata beberapa negara yang berpengalaman menangani masalah jerebu seperti Australia, Kanada, Itali dan Amerika Syarikat turut diundang menyertai persidangan yang dijadualkan tahun ini.

Menurutnya, persidangan itu akan mempunyai agenda mesyuarat peringkat kementerian negara-negara Asean selain mengundang pakar dari negara luar Asia Tenggara.

“Perdana Menteri sendiri memberi tumpuan kepada perkara ini dan kita wajar memulakan inisiatif mencari formula mengatasi masalah jerebu.

“Keperluan mengadakan persidangan ini tercetus berikutan pengalaman negara diselubungi jerebu beberapa bulan lalu. Kita memandang berat kesan jerebu ke atas rakyat,” katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Cuaca berjerebu menyelubungi negara mulai pertengahan Ogos dan berakhir pada Oktober tahun lalu. Ia dipercayai berpunca daripada kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan.

Indonesia bagaimanapun menafikan perkara itu sekalipun mengakui kira-kira 45,000 hektar hutan di negara itu terbakar sepanjang tahun lalu.

Sebelum ini, sebuah Jawatankuasa Kebangsaan Jerebu ditubuhkan bagi merangka pelan bertindak menangani masalah berkenaan di peringkat dalaman. Jawatankuasa itu bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar untuk menguatkuasakan beberapa undang-undang termasuk mengawasi kemungkinan beberapa faktor lain turut menyebabkan cuaca berjerubu.

Law berkata, persidangan mengenai jerebu itu bertujuan menangani isu terbabit di peringkat antarabangsa dan sebagai susulan penubuhan jawatankuasa peringkat kebangsaan.

Menurutnya, usaha Malaysia mengadakan sidang antarabangsa itu bukan mahu menidakkan usaha negara jiran, tetapi lebih kepada membuat persiapan mengelak kejadian jerebu berulang.

“Kita percaya idea bernas akan dapat dicetuskan dalam persidangan itu seperti mewujudkan kerjasama serantau atau langkah lain sebagai strategi mencegah jerebu,” katanya.